

# Forum khas tingkatkan pengetahuan konsep MIB



TIMBALAN Menteri Kewangan (Pelaburan), Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Khas MIB.



AHLI-AHLI panel forum terdiri daripada Setiausaha Tetap (Urusan Korporat dan Perkhidmatan Awam) di JPM, Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar; Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafar yang dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Pengajian Lepasan Ijazah, UNISSA, Dr. Hajah Rasinah binti Haji Ahim.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Hj Ahmad  
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

**TUTONG**, Rabu, 4 Oktober. - Forum Khas Melayu Islam Beraja (MIB) anjuran Jawatankuasa Kerja Pembangunan MIB di bawah Jawatankuasa Sektoral Media, Publisiti dan Percetakan sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta dilaratkan lagi di Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Timbalan Menteri Kewangan (Pelaburan), Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah hadir selaku tetamu kehormat.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai dan diikuti dengan nyanyian lagu kebangsaan.

Forum dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Pengajian Lepasan Ijazah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA),

Dr. Hajah Rasinah binti Haji Ahim.

Manakala ahli-ahli panel terdiri daripada Setiausaha Tetap (Urusan Korporat dan Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, yang mana skop perbincangan beliau menyentuh mengenai usaha kerajaan meningkatkan ketenteraman dan keamanan negara yang menjadi asas kesejahteraan negara serta

rakyat juga amalan berbaik-baik dalam hubungan antarabangsa selaku ahli panel pertama.

Ahli panel kedua menampilkan Pemangku Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar yang mengisarkan tentang MIB dalam pendidikan dan amalan doa serta kesannya dalam keharmonian beragama, bermasyarakat juga bernegara.

Sementara ahli panel ketiga,

## Edaran mata wang polimer, duit syiling di bank tempatan mulai 9 Oktober



PEMANGKU Pengarah Eksekutif Unit Pengurusan Matawang, Pengiran Maslina binti Pengiran Haji Mahmud (dua, kiri) pada Sidang Media Mengenai Mata Wang Polimer BND50 Kenang-Kenangan, Duit Syiling Kenang-Kenangan dan Duit Syiling bagi Edaran Siri Ke-5 bertempat di East Wing III, Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Oktober. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMB) akan mengeluarkan 500,000 keping duit syiling 50 sen yang mengandungi cetakan Jawi sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Menaiki Takhta.

Duit syiling 50 sen yang diperuntukkan AMBD, yang dipakejkan khas itu juga untuk diedarkan kepada penuntut-penuntut prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan pusat-pusat tingkatan enam di keempat-empat daerah di negara ini.

Pemangku Pengarah Eksekutif Unit Pengurusan Matawang, Pengiran Maslina binti Pengiran Haji Mahmud mengumumkan perkara itu pada Sidang Media Mengenai Mata Wang Polimer BND 50 Kenang-Kenangan, Duit Syiling Kenang-Kenangan dan Duit Syiling Bagi Edaran Siri Ke-5 bertempat di East Wing III, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Jelasnya, pihak AMBD akan mengeluarkan penjualan Mata Wang dan Duit Syiling Kenang-Kenangan Edisi Terhad, iaitu satu keping mata wang numismatik dengan Prefix Khas 'HB50' (kotak akrilik) yang akan dijual dengan harga BND200; Set Mata Wang Kenang-Kenangan BND25 dan BND50 (folder) yang dijual dengan harga BND160; Mata Wang Kenang-Kenangan BND50 (folder) dijual dengan harga BND55; 3 dalam 1 mata wang numismatik uncut BND50 (kotak akrilik) dijual dengan harga BND400; 8 dalam 1 mata wang numismatik uncut BND50 (tiub) dijual dengan harga BND1,000 dan 40 dalam 1 numismatik uncut BND50 (tiub) dijual dengan harga BND3,800.

Manakala Duit Syiling Kenang-Kenangan Berbentuk Emas dijual dengan harga BND3,500; Duit Syiling Kenang-Kenangan Berbentuk Perak dijual dengan harga BND400 dan Duit Syiling Koleksi

Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor menyentuh mengenai peluang-peluang pendidikan yang disediakan dan kesejahteraan yang dinikmati oleh rakyat negara ini.

Matlamat forum adalah untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat terhadap konsep MIB di negara ini.

Forum diharap akan menjadi satu wadah mengukuhkan taat setia pada kepimpinan pemerintahan beraja dan azam untuk mengekalkan keamanan, kesejahteraan serta kebahagiaan dalam negara MIB yang merdeka, berdaulat dan demokratik, bersendikan ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan.

Ia dipercayai dapat menyuburkan rasa cinta pada negara dan kasih kepada raja.

Forum dilaratkan di keempat-empat daerah, yang mana di Daerah Belait, forum akan diadakan pada Isnin, 9 Oktober bertempat di Pusat Insani, Seria.

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Masri Osman

## Pendaftaran Kelas Al-Quran dan Muqaddam dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Oktober. - Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menerusi siaran akhbaranya sukacita memaklumkan kepada ibu bapa atau penjaga kanak-kanak, bahawa pendaftaran untuk memasuki Kelas Al-Quran dan Muqaddam (setiap Jumaat) di Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara Bagi Tahun 2018 Masihi bermula pada 2 Oktober hingga 30 Disember ini.

Menurut Siaran Akhbar KHEU, borang pendaftaran boleh diperoleh di Unit Kelas Al-Quran dan Muqaddam Bahagian Imarah, JHEM, Simpang 15, Jalan Sumbiling Lama, Bandar Seri Begawan atau dari masjid-masjid, surau serta balai ibadat seluruh negara.

Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dikembalikan tidak lewat 30 Disember nanti kepada guru-guru penghubung di masjid, surau dan balai ibadat, di mana anak-anak mereka akan mengikuti kelas tersebut.

Syarat penerimaan bagi kanak-kanak yang akan memasuki kelas tersebut di atas, hendaklah berumur 6 tahun pada 1 Januari 2018.

Sebarang pertanyaan mengenai kelas tersebut, bolehlah berhubung terus dengan Ketua Unit Kelas Al-Quran dan Muqaddam, Bahagian Imarah, JHEM, KHEU, Awang Haji Azmi bin Haji Abidin, Simpang 15, Jalan Sumbiling Lama, BSB atau melalui talian +673 2223277 (waktu pejabat) atau telefon bimbit +673 8766087.

Khas Siri Ke-5 yang akan dijual dengan harga BND20.

Beliau menjelaskan, Mata Wang Polimer Kenang-Kenangan bernilai BND50 yang baharu tersebut memperkenalkan beberapa ciri-ciri signifikan sempena Sambutan Jubli Emas baginda, di samping mata wang baharu ini berwarna kekuningan, melambangkan warna diraja.

Di muka hadapan mata wang tersebut memperkenalkan potret terbaru Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berpakaian seragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau ceremonial uniform.

Mata wang tersebut juga tambahnya, memperkenalkan imej Kebawah DYMM dimahkotakan oleh Al-Marhum ayahanda baginda, Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, berlatarbelakangkan imej Jame' Asr Hassanal Bolkiah.

Sementara itu, reka bentuk di bahagian belakang mata wang itu pula katanya, memperkenalkan imej Kebawah DYMM bercemar duli bersama rakyat yang melambangkan sikap pemelulian Baginda Sultan sebagai seorang raja berjiwa rakyat. Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Salah satu ciri-ciri keselamatan pada mata wang tersebut adalah ciri spark live pada angka 50 yang terletak di atas sebelah kanan muka hadapan mata wang ini. Ini merupakan sebuah ciri silkscreen printed optical variable feature dengan rolling bar effect yang berubah warna dari warna hijau menjadi warna keemasan. Perekat bagi Mata Wang Polimer BND50 Kenang-Kenangan tersebut ialah Pengiran Khamarol Zaman bin Pengiran Haji Tajudin.

Selain daripada Mata Wang Polimer Kenang-Kenangan, AMBD juga terangnya, mengeluarkan edisi terhad Duit Syiling Kenang-Kenangan Berbentuk Emas dan Perak yang

mempamerkan potret baginda dikelilingi 50 kaki Payung Diraja, melambangkan 'Raja Payung Negara'.

Ini menggambarkan keperibadian baginda sebagai seorang pemimpin yang bersifat pengasih serta melindungi juga menjaga keamanan negara dan setiap kebijakan serta kemaslahatan rakyat jelata. Reka bentuk belakang Duit Syiling Kenang-Kenangan ini pula memaparkan imej mahkota yang digunakan dalam Istiadat Perpuspaan pada 1 Ogos 1968.

AMBD juga ujarnya, mengeluarkan Duit Syiling Bagi Edaran yang terbaru Siri Ke-5 yang memperkenalkan potret baru Kebawah DYMM. Reka Bentuk belakangnya pula memaparkan Alat-Alat Kebesaran Diraja yang signifikan semasa Istiadat Perpuspaan Baginda. Perekat bagi Duit Syiling Bagi Edaran berkenaan ialah Pengiran Amir bin Pengiran Haji Sablon.

Sehubungan itu, orang ramai yang ingin mendapatkan produk-produk edisi terhad tersebut boleh membuat penempahan secara pra-pesanan (pre-order) bermula dari jam 12.00 tengah hari pada Rabu, 4 Oktober hingga Rabu, 25 Oktober 2017M.

Pra-pesanan (pre-order) bolehlah dibuat melalui laman sesawang AMBD <https://www.ambd.gov.bn/HB50>. Bagi penempahan yang terlebih langgan, proses pengundian akan dilaksanakan dan orang ramai akan dapat mengambil tempahan mulai Isnin, 6 November 2017.

Orang ramai juga boleh menukar Mata Wang dan Duit Syiling Bagi Edaran Siri Ke-5 pada nilai muka yang sama, di cawangan-cawangan Bank Baiduri, Bank of China, Hong Kong (BOCHK), BIBD, HSBC Brunei, Maybank, Bank RHB, Bank Standard Chartered, UOB dan Perbadanan TAIB mulai Isnin, 9 Oktober 2017.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn/hb50>.